

**menjaga
kebersihan**

**menghargai
masa**

amanah

rajin

adil

Pilih Nilai Murni yang bersesuaian dengan situasi di bawah.

Kerani di Balai Polis

Nilai murni

Normah kerani di balai polis. Setiap hari, beliau **pergi bertugas pada awal pagi**.

Sebaik-baik sahaja beliau sampai di pejabat, beliau akan **memastikan tempat kerjanya bersih**. Beliau akan menghidupkan komputer untuk memulakan tugas.

Normah akan menyusun semua surat untuk ketua balai dan meletakkan surat itu di dalam fail di bilik ketuanya. **Beliau tidak akan membuka dan membaca surat-surat itu.**

Kadangkala, Normah melayan orang ramai yang hadir ke balai untuk pelbagai urusan. Beliau melayan mereka **dengan mesranya tanpa mengira bangsa dan agama.**

Jika kerja tidak dapat disiapkan di balai, beliau membawa kerjanya pulang ke rumah. **Beliau bekerja dengan tekunnya demi negara.**



Minta murid membaca, mengenal pasti dan menyatakan nilai daripada petikan.

2.3.1 (iv)
BT2: 8

Kenal pasti kesalahan ejaan. Kemudian, tulis ejaan yang betul.

Sila tulis jawapan ikut turutan nombor dan berhati-hati dengan penggunaan huruf besar atau huruf kecil.

Wan Muhammad Saman

Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail banyak berjasa kepada negeri Kedah. Beliau dilahirkan di Alor Jangus, Kedah, pada tahun 1830. Sejak hari itu, negeri Kedah bertambah maju.

Beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Kedah yang pertama pada tahun 1870. Sejak hari itu, negeri Kedah bertambah maju dan membangun.

Wan Muhammad Saman menubuhkan sekolah Melayu pertama di Padang Lepai, Kota Setar, pada tahun 1861. Beliau juga memboati jalan raya dan memperkenalkan rawatan perubatan moden.

Jasa beliau dalam bidang pertanian amatlah besar. Wan Muhammad Saman berjaya membina terusan. Terusan itu sepanjang 35 kilometer. Terusan itu lebih dikenali sebagai Terusan Wan Mat Saman.

- | | |
|----------|-----------|
| 1. _____ | 6. _____ |
| 2. _____ | 7. _____ |
| 3. _____ | 8. _____ |
| 4. _____ | 9. _____ |
| 5. _____ | 10. _____ |

Info

- Mulai tahun 1948, jawatan Perdana Menteri Kedah ditukar namanya kepada Menteri Besar Kedah.

Minta murid mengenal pasti ejaan yang salah. Kemudian, edit ejaan tersebut.

3.3.2 (i)
BT2: 9

11



BERSAMA
CIKU DAYANG AZIZAH

LIVEWORKSHEETS